

Dagangan : BLENDED & INTERESTERIFIED
VEGETABLE OIL /EPMTF32

Nama Perdagangan : Blended & Interesterified
Vegetable Oil /EPMTF32

Kod Tarif :
1516.20.54 00 (PDK 2017)

Tarikh Kelulusan :
18 Februari 2019

Keterangan Barangan :

1. Barangan adalah campuran cecair berminyak dan pes lembut berwarna putih dan tidak berbau. Dipek 25kg Carton in box. Barangan digunakan dalam industri pembuatan makanan seperti *cream filling of biscuits, wafers, bakery and confectionery*.
2. Barangan dihasilkan melalui campuran 3 product iaitu Palm Oil (50%), Palm Kernel Olein (40%) dan Palm Stearin (10%), Pada peringkat process blending ketiga-tiga bahan mentah dicampurkan dan kemudian proses *Interesterified* dibuat untuk menghasilkan *product Blended & Interesterified Vegetable Oil/ EPMTF32*.
3. Analisa pakar mengesahkan barangan sesuai dengan campuran minyak kelapa sawit yang terdiri daripada Campuran Palm Oil (50%), Palm Kernel Olein (40%) dan Palm Stearin (10%) dengan nilai kelembapan dan kotoran sebanyak 0.10%, nilai iodin 37.5, nilai asid lemak bebas (sebagai asid laurik) 0.42% serta campuran asid lemak tepu yang kebanyakannya terdiri daripada asid palmitik, asid oleik, asid laurik, asid linoleik, asid miristik dan asid stearik.
4. Oleh kerana barangan merupakan campuran daripada vegetable oil & fat yang telah melalui proses *chemical transformation* iaitu *interesterification*, maka ia diliputi dibawah *heading* 15.16. Barangan tidak sesuai diklasifikasikan di bawah *heading* 15.17 kerana *heading* tersebut hanya meliputi proses *chemical transformation* selain daripada yang diliputi oleh *heading* 15.16

Ketetapan:

Ketua Pengarah Kastam memutuskan bahawa barangan adalah sesuai diklasifikasikan di bawah kod tariff 1516.20.54 00 berdasarkan Perintah Duti Kastam 2017.